

Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search ▾

Home &gt; Berita Harian &gt; 30 August 1968 &gt; Page 7 &gt; Ibu yang ta' pernah putus asa...

# Ibu yang ta' pernah putus asa...

Berita Harian, 30 August 1968, Page 7

Article also available on Microfilm Reel NL5513

★ Add to Citation

&lt; Previous Article

Next Article &gt;

&lt; Previous Page

Next Page &gt;

# Ibu yang ta' pernah putus asa...

**SIANG MALAM CHE' SOFIAH BERDOA  
PONDOK TANJONG, Khamis**

CHE' Sofiah bt Haji Othman berumur 60 tahun akan mengadakan kenduri keshukoran jika anak-nya terlepas daripada hukuman gantung.

Anak-nya ia-lah Saidin atau Mohamad Sidek bin Mohamad Noor berumur 29 tahun ia-lah di-antara dua orang pemuda Melayu di-Perak yang sedang menunggu tarikh hukuman gantung.

Che' Sofiah berkata: "Perkara mati tidak-lah menjadi hairan, kerana semua manusia akan mati, tetapi yang sedih ia-lah mati kerana di-gantung.

"Saya sedih kerana anak orang lain mati tidak di-gantung."

"Apa-kah ini salah Ibu mengandong atau sudah suratan takdir?" tanya beliau.

Ketika di-temui di-rumah-nya No. 745 Lorong Satu, Kampong Jana, Kamunting, Taiping, Che' Sofiah di-dalam keadaan terharu mengenangkan anak-nya.

Suami-nya, Enche Mo-

Information ^

Newspaper:  
Berita HarianDate:  
30 August 1968Reel Number:  
NL5513

^ Scroll to Top

Share

Table of Contents ^

&lt; Previous

Page 7 ▾

Next &gt;

**RAYUAN KA-PRIVY COUNCIL  
DI-TAREK BALEK**RAYUAN KA-PRIVY COUNCIL DI-TAREK BALEK IPC)  
H Khamis. Satu rayuan kaPrivy Council terhadap**Ibu yang ta' pernah putus asa...**Ibu yang ta' pernah putus asa... SIANG MALAM CHE'  
SOFIAH BERDOA PONDOK TANJONG, Khamis**PERADUAN 'RATU': PAKAIAN  
BABY DOLL DI-LARANG**PERADUAN 'RATU': PAKAIAN BABY DOLL DI-  
LARANG BANTING. Khamis. IJAKAIAN jenis baby doll

View Full Table of Contents &gt;

nama NOOR DIN HAJI AN-  
mad, berumur 70 tahun  
tidak ada di-rumah, dan  
masa ini berada di-Ben-  
tong, Pahang.

Che' Sofiah terharu,  
kerana belum mendapat  
keputusan terakhir me-  
ngena' hukuman anak-  
nya itu.

## Di-ampunkan

Perasaan-nya gembira  
juga, apabila mengetahui  
11 orang pemuda China  
telah di-ampunkan dari-  
pada hukuman gantung  
kapada hukuman penjara  
sa-umur hidup oleh Sul-  
tan Johor dan Lembaga  
Pengampunan negeri itu.

Che' Sofiah siang dan  
malam berdo'a supaya  
Lembaga Pengampunan  
Negeri Perak akan me-  
ngampunkan anak-nya  
itu daripada hukuman  
gantong.

Sa-lain daripada ber-  
do'a, maka lima kali dia  
telah menjemput beber-  
apa orang kampung mem-  
bacha Yassin di-rumah-  
nya mendo'akan supaya  
Mohamad Sidek tidak di-  
gantong.

Che Sofiah telah meng-  
hantar surat kapada Pre-  
siden Indonesia, General  
Suharto meminta supaya  
menunjokkan jasa baik-  
nya merayu kapada Lem-  
baga Pengampunan Pe-  
rak.

Che' Sofiah berasal dari  
Pontianak, datang ka-  
Tanah Melayu kira2 40  
tahun yang lalu.

## Terkejut

Mohamad Sidek di-  
lahirkan di-Singapura

Mohamad Sidek belajar  
hingga darjah enam di-  
Sekolah Inggeris King  
Edward VII, Taiping dan  
bekerja sa-bagai mandor  
dalam Jabatan Ukor Pe-  
rak di-Taiping.

Che' Sofiah berkata, dia  
terkejut apabila menge-

tahui anak-nya di-tang-  
kap semasa konfrantasi  
ketika mendarat di-Pan-  
chor, Perak dalam bulan  
Februari, 1965.

"Saya tidak tahu ka-  
mana Mohamad Sidek  
pergi sa-lama sa-tahun  
sa-telah dia berhenti be-  
kerja dalam Jabatan  
Ukor. Saya hanya me-




ngetanui Mohamad Sidek sa-masa ia di-tangkap sahaja" kata-nya.

Mohamad Sidek sa-telah berhenti kerja memberitahu ibu-nya, bahawa dia hendak men-chari pekerjaan di-Singapura.

Che' Sofiah telah me-nemui anak-nya tiga kali di-Penjara Pudu, Kuala Lumpur dan sa-buian sa-kali sa-masa di-tahan di-Penjara, Taiping da-hulu.

Mohamad Sidek ia-lah anak-nya yang keempat.



CHE SOFIAH

## Related Articles

No related article found.

